



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBENTUKAN MODEL PEMBANGUNAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH 17 TAHUN INDONESIA DAN MALAYSIA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
AMIN AKBAR



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBENTUKAN MODEL PEMBANGUNAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH
17 TAHUN INDONESIA DAN MALAYSIA**

AMIN AKBAR

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓


INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **11 MAC 2025**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **AMIN AKBAR (P20212003015) FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN** Dengan Ini Mengaku Bahawa Tesis Yang Bertajuk **PEMBENTUKAN MODEL PEMBANGUNAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH 17 TAHUN INDONESIA DAN MALAYSIA** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.



Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF MADYA. ZULAKBAL ABD KARIM** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBENTUKAN MODEL PEMBANGUNAN PEMAIN BOLA SEPAK BAWAH 17 TAHUN INDONESIA DAN MALAYSIA** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH.**

11 MAC 2025

Tarikh



Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: **PEMBENTUKAN MODEL PEMBANGUNAN PEMAIN
BOLA SEPAK BAWAH 17 TAHUN INDONESIA DAN
MALAYSIA**

No. Matrik /Matric's No.: **P20212003015**
Saya / I : **AMIN AKBAR**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek
(Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris
(Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves
the right as follows: -*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan
rujukan dan penyelidikan.
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference
and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai
bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category
below:-*

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan
Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done*

☒ **TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**

Amin Akbar

(Tandatangan Pelajar/
Signature)

PROFESOR Madya DR ZULAKBAL BIN ABD KARIM
Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan
(P): 015-4811 7250 H/P 018-399 6943
Email: zulkab@upsi.edu.my

(Tandatangan Penyelia / *Signature of
Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official
Stamp*)

Tarikh: 11 MAC 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan
sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

*Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and
reasons for confidentiality or restriction.*



PENGHARGAAN

Tesis ini disiapkan bukan kerana saya hebat tetapi kerana izin dan limpah kurnia Allah SWT. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada penyelia utama saya Profesor Madya Dr. Zulakbal bin Abdul Karim yang menjadi merupakan tulang belakang kepada terhasilnya kajian ini, yang dengan penuh kesabaran, memberikan bimbingan, tunjuk ajar, dorongan serta inspirasi yang telah mendampingi saya sepanjang perjalanan disertasi ini, suatu pelajaran berharga yang akan saya kenang seumur hidup dan saya sangat bertuah kerana berpeluang belajar di bawah seliaan beliau. Saya juga sangat berterima kasih kepada Prof Madya Dr. Jaffry Zakaria selaku penyelia bersama atas kesudian beliau untuk bersama-sama menyelia dan membimbing saya melalui kajian ini, serta dorongan dan etika kerja yang mendalam terhadap saya. Tesis ini saya dedikasikan khusus kepada ayah saya, Syafran dan Amak Marlina yang tidak pernah berpeluang mendapat pendidikan formal tetapi sentiasa penuh kasih sayang dan kekuatan dalam membesarkan anak anaknya sehingga kami semua mengecap kemanisan ilmu. Kepada belahan jiwa saya Fuccy Utamy Syafitri, yang sentiasa menjadi sumber kekuatan, inspirasi dan kasih sayang sepanjang perjalanan yang jauh ini. Kesabaran, pengorbanan dan sokongan yang diberikan menjadikan semua ini dapat dilakukan. Buat anak-anak Mikayla Ashalina Akbar dan Diandra Almira Akbar, disertasi ini juga untukmu, semoga di masa hadapan menjadi inspirasi bahwa dengan usaha gigih dan kasih sayang, apa sahaja boleh dicapai. Papa dan Mami sayang kamu lebih dari segalanya. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam penulisan tesis ini, kepada pakar yang menjadi penilai kajian ini, jurulatih di Indonesia dan Malaysia yang menjadi sumber maklumat untuk kajian ini. Akhir sekali, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan dan juga iringan doa dalam usaha saya menyiapkan laporan kajian ini.





ABSTRAK

Peralihan daripada pemain bola remaja kepada dewasa ialah satu tempoh kritikal, yang mana ramai pemain bola sepak telah menunjukkan prestasi yang baik semasa remaja namun gagal mengekalkan prestasi mereka sehingga dewasa. Prestasi pemain bola sepak dari remaja ke dewasa merupakan masalah besar dan serius bagi bola sepak negara kerana pemain remaja ialah kunci masa hadapan pasukan bola sepak senior pada masa akan datang. Kajian ini dilakukan untuk meneroka isu dan cabaran laluan pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia, serta mengenal pasti ciri-ciri psikologi yang dapat membantu pemain bola sepak bawah 17 tahun untuk mengekalkan kesinambungan prestasi mereka hingga dewasa. Tujuan akhirnya ialah membina sebuah model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan *grounded theory*, sebanyak 25 pelatih dari Indonesia dan Malaysia mengambil bahagian dalam kajian ini dengan kriteria memiliki lesen kejurulatihan dan mempunyai pengalaman kejurulatihan sekurang-kurangnya lima tahun. Hasil kajian menunjukkan terdapat tiga tema masalah dalam laluan pembangunan iaitu kemudahan, keupayaan jurulatih dan transformasi ideologi. Selain itu, terdapat juga empat tema cabaran untuk pembangunan pemain bola sepak iaitu cabaran fizikal, teknikal, taktikal dan keadaan psikologi. Keputusan lain menunjukkan terdapat dua tema besar berkaitan ciri-ciri psikologi yang diperlukan oleh pemain bola sepak dalam pembangunan, iaitu ciri psikologi individu dan ciri psikologi persekitaran. Sembilan tema yang diperolehi dalam kajian ini digunakan untuk menghasilkan model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia yang lebih bersepadu, holistik dan berkesan. Model ini diharapkan dapat dijadikan rujukan oleh pihak berkepentingan bola sepak di setiap negara untuk mewujudkan program pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun.





DESIGNING A DEVELOPMENT MODEL FOR UNDER-17 FOOTBALL PLAYERS NI INDONESIA AND MALAYSIA

ABSTRACT

The transition from youth football players to adulthood is a critical period, where many football players have performed well as teenagers but need to maintain their performance into adulthood. The performance of football players from youth to adulthood is a significant and severe problem for national football because youth players are the key to the future of the senior football team in the future. This study was conducted to explore the issues and challenges of the development path of Indonesian and Malaysian under-17 football players, as well as identify psychological characteristics that can help under-17 football players maintain the continuity of their performance into adulthood. The ultimate goal is to build a model for developing football players under 17 in Indonesia and Malaysia. This study uses a qualitative method with a grounded theory approach. As many as 25 trainers from Indonesia and Malaysia participated in this study, and the criteria were a coaching license and at least five years of coaching experience. The results of the study show that there are three themes of problems in the development path, namely facilities, coach's ability, and ideological transformation. In addition, there are also four themes of challenges for the development of football players, namely physical, technical, tactical, and psychological conditions. Other results show two significant themes related to the psychological characteristics that football players need in development, namely individual psychological characteristics and environmental psychological characteristics. The nine themes obtained in this study are used to produce a more integrated, holistic, and practical development model for Indonesian and Malaysian under-17 football players. This model is expected to be used as a reference by football stakeholders in each country to create a development program for football players under 17 years of age.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	4
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Objektif kajian	10
1.5 Persoalan kajian	11
1.6 Kerangka konseptual kajian	12
1.7 Kepentingan kajian	13
1.7.1 Kepentingan teoritis	14
1.7.2 Pemain bola sepak bawah 17 tahun	14
1.7.3 Jurulatih	14





1.7.4	Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia (PSSI) & Football Association Malaysia (FAM)	15
1.8	Keterbatasan Kajian	15
1.9	Definisi Operasional	16
1.9.1	Laluan Pembangunan	16
1.9.2	Ciri-Ciri Psikologi	17
1.9.3	Bola Sepak	17
1.9.4	Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	18
1.10	Kesimpulan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	<i>Grounded Theory</i>	21
2.3	Model-model untuk pembangunan atlet	24
2.3.1	Model LTAD (<i>Long Term Athlete Development</i>)	24
2.3.1.1	<i>Active Start</i>	26
2.3.1.2	<i>Fundamental</i>	28
2.3.1.3	<i>Learning to Train</i>	29
2.3.1.4	<i>Train to Train</i>	30
2.3.1.5	<i>Train to Compete</i>	31
2.3.1.6	<i>Training to Win</i>	32
2.3.1.7	<i>Active for Life</i>	33
2.3.2	Model <i>Psychosocial Competencies and Environmental Conditions Associated with Soccer Success During Adolescence</i>	38
2.3.2.1	Model <i>Youth Physical Development (YPD)</i>	40
2.4	Ciri-ciri psikologi	43
2.5	Prestasi	49





2.6	Bola Sepak	54
2.7	Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	57
2.7.1	Pentingnya Kajian Pada Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	60
2.8	Jurulatih	64
2.9	Kesimpulan	65

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	67
3.2	Justifikasi Metodologi	68
3.2.1	<i>Grounded Theory</i>	69
3.3	Prosedur Kajian	71
3.4	Peserta Kajian	76
3.5	Instrumen Kajian	81
3.5.1	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	82
3.6	Kajian Rintis	87
3.7	Pengumpulan Data	88
3.7.1	Temu Bual Mendalam Separa Berstruktur	89
3.7.2	Pemerhatian	94
3.7.3	Analisis Dokumen	95
3.8	Triangulasi	96
3.9	Analisis Data	98
3.9.1	Langkah 1 - Pengekoden Terbuka (<i>Open Coding</i>)	100
3.9.2	Langkah 2 – Teoritikal Sensitiviti (<i>Theoretical Sensitivity</i>)	101
3.9.3	Langkah 3 – Pengekoden Paksi (<i>Axial Coding</i>)	103
3.9.4	Langkah 4 – Pengekoden Pilihan (<i>Selective Coding</i>)	104
3.9.5	Langkah 5 – Proses (<i>The Process</i>)	105



3.9.6	Langkah 6 – Matrix Besyarat (<i>Conditional Matrix</i>)	105
3.9.7	Langkah 7 – Teori Persampelan (<i>Theoritical Sampling</i>)	106
3.10	Kesimpulan	107
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	108
4.2	Dapatan Kajian	109
4.2.1	Isu Dan Cabaran Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	112
4.2.1.1	Isu Dalam Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	113
4.2.1.2	Cabaran Laluan Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	135
4.2.3	Ciri-Ciri Psikologi	170
4.2.3.1	Ciri-Ciri Psikologi Individu	172
4.2.3.2	Ciri-Ciri Psikologi Persekitaran	196
4.3	Pembangunan model	215
4.4	Kesimpulan	222
BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	224
5.2	Limitasi Kajian	225
5.3	Perbincangan	227
5.3.1	Isu dan Cabaran	227
5.3.1.1	Isu Fasilitas	228
5.3.1.2	Isu Kemampuan Pelatih	235
5.3.1.3	Isu Transformasi Ideologi	242
5.3.1.4	Cabaran Fisik	245
5.3.1.5	Cabaran Teknik	248

5.3.1.6	Cabaran Taktik	251
5.3.1.7	Cabaran Psikologi	254
5.3.2	Ciri-Ciri Psikologi	263
5.3.2.1	Ciri-Ciri Psikologi Individu	263
5.3.2.2	Ciri-Ciri Psikologi Persekitaran	299
5.3.3	Model Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun Indonesia Dan Malaysia	313
5.3.3.1	<i>Flourishing Phase</i> 6 hingga 9 tahun	316
5.3.3.2	<i>Early Developmental Phase</i> 9 hingga 12 tahun	318
5.3.3.3	<i>Storm and Stress Phase</i> 12 hingga 16 tahun	320
5.3.3.4	<i>Deciding Phase</i> 16 hingga 23 tahun	325
5.4	Cadangan	329
5.5	Kesimpulan	332
	RUJUKAN	334
	LAMPIRAN	386

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perkembangan dan Pembangunan Grounded Theory	23
3.1	Demografi jurulatih di Malaysia	79
3.2	Demografi Jurulatih Indonesia	80
3.3	Nilai Cohen Kappa dan Interpretasinya	84
3.4	Nilai Persetujuan Instrumen Koefisien Cohen Kappa Jurulatih Di Indonesia	86
3.5	Nilai Persetujuan Instrumen Koefisien Cohen Kappa Jurulatih Di Malaysia	86
3.6	Jangka masa temubual jurulatih di Malaysia	92
3.7	Jangka masa temubual jurulatih di Indonesia	93
4.1	Kategori-kategori dalam tema isu kemudahan	211
4.2	Kategori-kategori dalam tema isu kemampuan jurulatih	212
4.3	Kategori-kategori dalam tema isu tranformasi ideologi	212
4.4	Kategori-kategori dalam tema isu cabaran fizikal	212
4.5	Kategori-kategori dalam tema cabaran teknikal	213
4.6	Kategori-kategori dalam tema cabaran taktikal	213
4.7	Kategori-kategori dalam tema cabaran psikologi	214
4.8	Kategori-kategori dalam tema ciri-ciri psikologi individu	214
4.9	Kategori-kategori dalam tema ciri-ciri psikologi persekitaran	215





4.10	Nilai kesahan model menurut pakar mengikut proses kajian	217
------	--	-----





SENARAI GAMBAR RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	13
2.1	Model long term athlete development Balyi et al. (2013)	38
2.2	Model Psychosocial competencies and environmental conditions associated with soccer success during adolescence, Holt dan Dunn (2004)	40
2.3	Model YPD untuk lelaki	41
4.1	Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun Indonesia dan Malaysia	111
4.2	Isu Dan Cabaran Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	112
4.3	Isu Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	113
4.4	Cabaran Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun	135
4.5	Ciri-Ciri Psikologi	170
4.6	Ciri-Ciri Psikologi Individu	172
4.7	Ciri-Ciri Psikologi Persekitaran	196
4.8	Model Pembangunan Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun Indonesia dan Malaysia	221





SENARAI SINGKATAN

AFC	Asian Football Federation
AFF	Asean Football Federation
DMSP	Developmental Model of Sport Participation
EGT	Evolved Grounded Theory
EPA	Elite Pro Academy
FAM	Football Association of <i>Malaysia</i>
FIFA	Fédération Internationale de Football Association
GT	Grounded Theory
IQ	Intelligence Quotient
JI	Jurulatih Indonesia
JM	Jurulatih Malaysia
LTAD	Long Term Athlete Development
NFDP	National Football Development Programme
PLD	Pusat Latihan Daerah
PSSI	Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia
PYD	Positive Youth Development
SOP	Standard Operating Procedure
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
YDP	Youth Development Phase
YPD	Youth Physical Development





SENARAI LAMPIRAN

- A Ethical Approval
- B Borang Keizinan Peserta
- C Borang Semakan Pakar
- D Jadual Temu Bual
- E Traskrip Temu Bual
- F Kesesuaian Transkrip
- G Pengesahan Melaksanakan Kajian
- H Contoh Kaedah Analisis Data
- I Nilai Persetujuan Pakar Kesahan Data dan Model



BAB 1

PENDAHULUAN

Bola sepak ialah sukan yang paling popular dan mempunyai ramai pengikut di seluruh dunia (Varmus, Kubina, Bosko & Miciak, 2022; Musculus & Lobinger, 2018; Qader et al., 2017). Permainan ini juga dapat menarik minat jutaan penonton dan melibatkan beribu-ribu pemain (Okilanda et al., 2024; Fedrizzi, Canal, & Micciolo, 2022). Semasa kejohanan Piala Dunia *Federation Internationale de Football Association* (FIFA) di Rusia pada tahun 2018, dilaporkan jumlah penonton yang datang ke stadium dalam 64 perlawanan berjumlah 2,765,026 penonton (FIFA, 2018). Selain itu, data juga menunjukkan terdapat kira-kira 200–265 juta pemain bola sepak di seluruh dunia dan 9,4 juta pemain bola sepak daripada data ini ialah pemain bola sepak berumur bawah 18 tahun dan dijangka jumlah ini akan terus meningkat pada setiap tahun (O’Gorman, 2015; Dvorak, Junge, Baumann, & Peterson, 2014).



Sukan bola sepak bukan sahaja merupakan permainan bagi pemain profesional tetapi turut disertai oleh semua peringkat umur seperti remaja dan kanak-kanak. Program pembangunan bola sepak remaja sudah dimulakan oleh banyak negara yang mempunyai pengaruh besar dalam bola sepak seperti Brazil, Jerman, Perancis dan Jepun. Namun menurut Pitchford et al. (2004) persatuan bola sepak Inggeris antara yang terawal dalam pembangunan bola sepak remaja, adalah yang pertama prihatin mengenai kepentingan pengalaman kanak-kanak dan remaja terhadap bola sepak. Persatuan ini telah membangunkan kurikulum bola sepak bermula dari asas sejak sepuluh tahun kebelakangan ini. Program pada peringkat akar umbi terbukti menunjukkan hasil yang progresif dari segi membentuk pemain remaja, generasi pemain dan meningkatkan taraf pembangunan bola sepak pada tahun-tahun akan datang (Howie & Allison, 2016). Pada ketika ini, pelbagai negara termasuk Indonesia dan Malaysia telah menumpukan perhatian serta percaya bahawa bola sepak perlu bermula dari peringkat asas. Lantaran itu, Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia (PSSI) telah mewujudkan pertandingan *Elite Pro Academy* (EPA) bawah umur 14 dan 16 tahun sebagai usaha membangunkan pemain remaja (PSSI, 2022).

Bola sepak ialah primadona sukan di Indonesia dan Malaysia, minat dalam sukan ini bukan sahaja ketika menjadi pemain bola sepak, tetapi juga sebagai penonton untuk perlawanan (Tamami, 2021; Akbar & Hasjarjo, 2019). Indonesia dan Malaysia merupakan negara yang fanatik terhadap bola sepak. Buktinya dapat dilihat melalui fenomena setiap perlawanan pada peringkat kelab atau negara. Perlawanan bola sepak sentiasa dimeriahkan oleh penyokong kebanggaan kelab, yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja sehinggalah warga emas yang ingin menonton perlawanan di stadium. Terdapat lebih 1000 penyokong hadir pada setiap perlawanan (Khuddus, Wijaya, &





Priyanto, 2022). Hamid dan Kendall (2008) pula telah menyatakan bola sepak masih lagi sukan nombor satu negara berdasarkan jumlah tontonan ditelevisyen pada tahun 2005 sebanyak 16,692,000 telah meningkat ke jumlah 17,258,000 pada tahun 2006.

Kecintaan rakyat Indonesia dan Malaysia terhadap bola sepak bukan sahaja pada peringkat pasukan kebangsaan senior, tetapi juga pada peringkat umur di bawahnya. Menurut Siahaan (2022) menyatakan sebanyak 20,000 keping tiket perlawanan akhir Piala AFF bawah umur 16 tahun pada perlawanan bola sepak tahun 2022 antara Indonesia dan Vietnam telah habis dijual, sama seperti perlawanan akhir Piala AFF bawah umur 16 tahun pada perlawanan bola sepak tahun 2018 antara Indonesia dan Thailand yang turut terjual sejumlah 26,698 keping tiket. Bukti lain ialah perlawanan antara pasukan kebangsaan Indonesia dan Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil memecahkan rekod penonton dalam Kelayakan Piala Dunia Zon Asia dengan jualan tiket melebihi 74,038 keping tiket (Junhar, 2019).

Peristiwa tersebut membuktikan kecintaan dan ketaksuban masyarakat Indonesia dan Malaysia kepada sukan bola sepak. Walaupun minat dan populariti bola sepak telah meningkat sejak beberapa dekad kebelakangan ini dan menjadi sukan paling popular di Indonesia, ironinya prestasi pasukan bola sepak *senior* kebangsaan Indonesia dan Malaysia sering kali dikritik berikutan penarafan Indonesia di dunia dan Asia. Kedudukan terkini pada bulan September 2024 menunjukkan Indonesia berada pada tempat ke-129 dan Malaysia ke 132 dunia daripada 211 negara (FIFA, 2024).





1.2 Latar Belakang Kajian

Matlamat utama pembangunan bakat adalah untuk membangunkan atlet yang kemudiannya boleh maju ke peringkat teratas, adalah penting untuk mencari ciri-ciri yang boleh digunakan dalam menilai potensi jangka panjang untuk pembangunan atlet muda (Forsman et al., 2016). Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian telah cuba untuk mengesan perkembangan atlet muda berbakat ke alam dewasa. Kajian lepas mendapati bahawa beberapa ciri fisiologi (Gonaus & Muller, 2012), kemahiran teknikal, seperti menggelecek (Huijgen, Elferink, Post, & Visscher, 2009), kemahiran taktikal, seperti kedudukan dan membuat keputusan (Kannekens, Gemser, & Visscher, 2011) dan kemahiran psikologi seperti komitmen terhadap matlamat (Notario-Alonso et al., 2023) boleh meramalkan perkembangan kerjaya jangka panjang atlet muda.



Pengaplikasian psikologi dalam dunia sukan agak popular dan diamalkan secara meluas. Tujuan amalannya adalah untuk membantu atlet mencapai prestasi kemuncak. Beberapa kajian psikologi dalam dunia sukan adalah tentang ketahanan mental dalam kalangan atlet, (Latif, Ghazali, Rahman, Mohamed, & Fauzee, 2022; Ismail, Karim, Rozali, & Ramalu, 2022; Benitez-Sillero, Martínez-Aranda, Sanz-Matesanz, & Domínguez-Escribano, 2021). Kajian tentang keyakinan diri terhadap atlet (Waluyo, Purnama, Doewes, Hidayatullah, & Sugiyanto, 2022; Marks et al., 2022; Lochbaum, 2022). Kajian mengenai harga diri atlet (Petrovska et al., 2022; Sagat et al., 2022) dan kajian faktor psikologi dan ciri-ciri psikologi yang dapat mendukung prestasi atlet (Pettersen, Adolfsen, & Martinussen, 2022; Honer & Feichtinger, 2016). Banyak kajian psikologi dalam sukan membuktikan bahawa kerjasama antara kedua-dua bidang





disiplin ini diperlukan untuk menyokong dan membantu atlet mencapai prestasi terbaik mereka.

Secara tradisinya, atlet dan jurulatih hanya menumpukan usaha latihan mereka kepada aspek fizikal, teknikal dan taktikal. Namun, lama-kelamaan mereka mula menyedari bahawa aspek psikologi juga memainkan peranan penting. Terdapat faktor lain yang perlu diperbaiki oleh pemain bola sepak selain faktor fizikal, teknikal dan taktikal iaitu faktor psikologi seperti kebebasan daripada kebimbangan, keyakinan diri, ketabahan dan kemahiran sosial yang dapat meningkatkan kecekapan peribadi untuk mengasah lagi bakat seseorang pemain bola sepak (Orosz & Mezo, 2015). Oleh itu, untuk melahirkan pemain bola sepak yang akan kompetitif pada masa hadapan amat perlu menyokong dan melatih mereka dari pelbagai aspek seperti fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi. Usaha yang dapat dilakukan adalah dengan menjalankan kajian dalam bidang bola sepak, seperti kajian psikologi pemain. Setiap sukan memerlukan ciri-ciri psikologi yang berbeza, seperti sukan berpasukan, sukan individu, dan sebagainya (Dosil, 2006). Oleh itu, penting untuk membuat kajian yang mendalam dalam bidang sukan yang lebih spesifik.

Menurut Pitchford et al. (2004) tumpuan untuk membangunkan pemain bola sepak remaja sebenarnya telah direalisasikan oleh *The Football Association England* pada tahun 1996. Namun, kajian tentang perkembangan dan kepentingan bola sepak pada peringkat bawahan masih terhad (Yamanaka, Garcia, & Sugiyama, 2022)) walaupun difikirkan penting untuk membuat kajian. Menurut Buchheit, Villanueva, Simpson, dan Bourdon (2010) kelab profesional mesti menekankan pengesanan dan pembangunan bakat remaja. Laluan pembangunan yang terarah dan mampan





seharusnya menjadi satu usaha untuk membantu pemain bola sepak remaja mencapai tahap profesional. Namun, bilangan pemain yang boleh digilap pada zaman remaja ke tahap profesional adalah sangat terhad (Prabhakaran, 2017). Perlu untuk memenuhi keperluan pemain pada setiap fasa pembangunan mereka untuk mendapatkan faedah jangka panjang, perlu diwujudkan laluan pembangunan yang boleh memudahkan pemain remaja untuk mencapai prestasi kemuncak bagi menembusi peringkat profesional (Balyi, Way, & Higgs, 2013). Prestasi kemuncak adalah harapan setiap jurulatih, pemain, kelab, ibu bapa dan lain-lain, tetapi hanya pemain yang mempunyai kekuatan mental yang baik boleh mencapainya. Latihan mental penting pada semua peringkat sukan dalam membantu atlet remaja mencapai prestasi yang lebih tinggi, penyediaan psikologi yang terancang dan mengikut fasa bagi membantu pemain dalam keadaan memenuhi permintaan persaingan dan masalah harian (Karim, 2022).



1.3 Pernyataan Masalah

Pembangunan pemain bola sepak remaja menjadi pemain profesional ialah matlamat utama semua pemegang taruh kelab. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang yang luas untuk mempertingkatkan kajian berkaitan bola sepak pada peringkat remaja (Sugiyama & Garcia, 2019). Budaya bola sepak, menghargai, futsal, *small sides game*, mentaliti kemenangan, struktur pertandingan (Karim et al., 2022) sikap dan tingkah laku yang positif (Pichardo, Oliver, Harrison, Maulder, & Lloyd, 2018), aktiviti dan laluan yang diikuti mereka semasa kanak-kanak hingga remaja (Ford et al., 2012), merupakan faktor penting pembangunan pemain bola sepak. Kanak-kanak direkrut ke akademi dari umur enam tahun dengan harapan dapat mencungkil bakat dan potensi





sebenar (Larkin & Reeves, 2018; Hill & Sotiriadou, 2016). Indonesia dan Malaysia juga berusaha menumpukan pembangunan pemainnya sejak kecil, dengan mengadakan *Hari Akar Umbi Indonesia* bermula pada tahun 2014 (PSSI, 2014) dan *Hari Akar Umbi Malaysia* (FAM, 2017).

Kesediaan pembinaan akar umbi dibuktikan dengan pembangunan kurikulum bola sepak Indonesia oleh PSSI pada tahun 2017 yang menjadi rujukan jurulatih bola sepak remaja. Masalah utama dalam kurikulum PSSI tersebut, hanya tertumpu kepada aspek fizikal, teknikal dan taktikal pemain tanpa melibatkan aspek psikologi. Sulistiyono, Sugiyanto, Kristiyanto, dan Purnama (2021) menyatakan kemahiran, kebolehan fizikal dan taktik sahaja tidak mencukupi, tetapi perwatakan yang mantap daripada pemain, dapat mencapai kejayaan pasukan. Maka model kejurulatihan yang merangkumi aspek fizikal, teknikal, taktikal dan psikologi diperlukan untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan perwatakan secara bersepadu, holistik dan berkesan.

Manakala Alves, Clemente, Sousa, Pinheiro, dan Dos Santos (2017) menyatakan bahawa bola sepak melibatkan gabungan pelbagai aspek termasuk psikologi, serta pembangunan pemain bola sepak mestilah memenuhi aspek tersebut dalam setiap fasa pembangunannya (Balyi et al., 2013), untuk menyediakan atlet yang berjaya pada masa yang tepat (Myer et al., 2015). Justeru dalam usaha menutup jurang kelompangan yang wujud dalam kurikulum PSSI, maka kajian tentang laluan pembangunan pemain bola sepak remaja dalam setiap fasa pembangunan ini dicadangkan untuk dijalankan. Adalah penting untuk pengkaji mengetahui perkara yang telah dilalui oleh para pemain sepanjang perjalanan pembangunan bola sepak yang





ditempuh oleh mereka untuk mencapai matlamat. Terlebih Wood, Harrison dan Kucharska (2017) menyatakan bahwa kajian mengenai isu-isu psikologis dalam pemain bola sepak masih tidak terjamah. Oleh sebab itu adalah penting untuk pengkaji mengetahui perkara yang telah dilalui oleh para pemain sepanjang perjalanan pembangunan bola sepak yang ditempuh (Sugiyama, Khoo, & Hess 2017).

Pencapaian pasukan bola sepak remaja Indonesia amat berjaya dan memberangsangkan. Pasukan bola sepak remaja berhasil menjuarai *Asean Football Federation* (AFF) bawah 16 tahun pada tahun 2022, juara AFF bawah 16 tahun pada tahun 2018 dan juara Piala AFF bawah 19 tahun pada tahun 2013 (PSSI, 2022). Sebaliknya secara ironi sejak 30 tahun kebelakangan ini, pasukan senior bola sepak kebangsaan Indonesia tidak pernah memenangi piala pada peringkat Asia Tenggara, Asia mahupun dunia (PSSI, 2022). Masalah besar yang berlaku sekarang ialah terdapat ramai pemain bola sepak Indonesia yang telah menunjukkan prestasi yang baik semasa remaja namun gagal mengekalkan prestasi mereka sehingga dewasa dan ternyata merosot apabila mencapai taraf pemain profesional pada tahap dewasa. Menurut Mills (2012) menyatakan bahawa peralihan daripada atlet remaja kepada profesional ialah satu tempoh yang kritikal. Menurut Bernardes, Melo, Jorge dan Soares (2014), hanya 1% pemain remaja menjadi pemain profesional.

Prestasi pemain bola sepak remaja ke arah profesional merupakan masalah besar dan serius bagi bola sepak negara, kerana pemain remaja ialah kunci masa hadapan pasukan bola sepak senior negara. Perkara ini dapat dibuktikan dengan beberapa bintang remaja bola sepak yang layu sebelum berkembang, iaitu seperti Syamsir Alam, Oktavianus Maniani, Maldini Pali, Nur Hidayat, Serdy Ephy dan Yudha





Febrian dan masih ramai lagi (Imanuiddin, 2024). Hal ini menunjukkan tidak ada kesinambungan prestasi semasa pemain remaja ke dewasa. Satu faktor yang menyebabkan pemain gagal menembusi fasa profesional ialah faktor psikologi seperti beban emosional yang besar bagi pemain bola sepak (Alves et al., 2022), cita-cita dari pemain (Saether, 2017), kemampuan mengelola stres dan kecemasan (Bernandes et al., 2014), laluan pembangunan atlet yang tidak terarah (Balyi et al., 2013) dan rasa takut gagal (Sagar et al., 2010).

Penyediaan psikologi ialah elemen utama untuk meningkatkan prestasi pemain dalam bola sepak (Karim et al., 2022; Wang, 2010). Pemain yang mempunyai tahap kekuatan mental yang baik boleh mencapai prestasi kemuncak. Jurulatih dan atlet seharusnya sedar akan pengaruh psikologi terhadap prestasi atlet, sehingga berusaha untuk mempelajari lebih lanjut berkenaan teknik latihan psikologi dan kemahiran untuk kejayaan atlet dalam pertandingan (Paixao, Gimenez, Navarro, Cerrada, & Abad, 2021; Karim, 2016). Beberapa faktor psikologi yang dapat mempengaruhi prestasi ialah ketahanan mental (Guszkowska & Wojcik, 2021) psikologi atau sosial atlet (D'Isanto, Elia, Raiola & Altavilla, 2019; Bangsbo, 2015), gambaran mempengaruhi prestasi (Jose, Joseph & Matha, 2018; Barghi, Kordi & Memari 2012), tekanan psikologi (Scharfen & Memmert, 2019), sokongan sosial, keyakinan diri, motivasi, kreativiti, dan ketabahan (Chernov et al., 2021). Maka kajian tentang isu, cabaran serta ciri-ciri psikologi yang mempengaruhi prestasi pemain bola sepak remaja perlu dilakukan, agar semakin ramai pemain bola sepak remaja yang berjaya dinaikkan ke peringkat profesional, dan menjadi pasukan senior kebangsaan Indonesia dan Malaysia yang akan berjaya.





Kajian ini bertujuan untuk membina model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia yang lebih bersepadu, holistik dan berkesan. Tujuan pembentukan model adalah untuk memudahkan pemikiran sistematik, menerangkan dan meramalkan fenomena serta menyampaikan idea saintifik kepada orang lain (Oh & Oh, 2011). Kajian Holt (2004) membuat sebuah model kecekapan psikososial dan keadaan persekitaran yang berkaitan dengan kejayaan permainan bola sepak semasa remaja. Perbezaan dengan model yang ditawarkan oleh pengkaji dilihat daripada subjek, pembolehubah dan masa kajian. Model pembangunan bola sepak pada level akar umbi sangat perlu untuk dibina, kerana pembangunan bola sepak memiliki banyak element dan aspek yang harus diperhatikan (Prabhakaran, 2017). Terlebih, masih belum ramai kajian mengenai model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia, setakat ini. Maka kajian ini amat diperlukan untuk meningkatkan kualiti pemain bola sepak remaja Indonesia. Menurut Fuller (2015) walaupun bola sepak sangat popular dan sebatu dalam kehidupan seharian masyarakat, masih sedikit kajian mengenai bola sepak di Indonesia. Hal ini menyebabkan banyak ruang untuk kajian bola sepak yang boleh dilakukan. Berdasarkan alasan di atas, pengkaji menawarkan kajian untuk membina model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dinyatakan di atas, tujuan utama kajian ini adalah memberikan informasi mengenai model pembangunan pemain bola sepak





bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia lebih bersepadu, holistik dan berkesan. Selain itu, objektif khusus kajian ini ialah:

1. Meneroka isu dan cabaran laluan pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia.
2. Mengenal pasti ciri-ciri psikologi yang dapat membantu pemain bola sepak bawah 17 tahun untuk mengekalkan kesinambungan prestasi mereka hingga dewasa.
3. Membina model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia yang bersepadu, holistik dan berkesan menggunakan prinsip *evolved grounded theory*.



1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan huraian di atas, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian berikut.

1. Bagaimanakah isu dan cabaran laluan pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia?
2. Apakah ciri-ciri psikologi yang dapat membantu pemain bola sepak bawah 17 tahun untuk mengekalkan kesinambungan prestasi mereka pada hingga dewasa?
3. Bagaimanakah model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia yang bersepadu, holistik dan berkesan menggunakan prinsip *Evolved Grounded Theory* dibina?





1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual merupakan penyusunan konsep utama dalam kajian untuk menentukan fokus dan hala tuju kajian. Kerangka konsep ialah hasil akhir daripada himpunan beberapa konsep yang berkaitan untuk menerangkan dan memberikan pemahaman yang lebih luas berkaitan fenomena yang dikaji (Imenda, 2014). Kerangka konseptual dapat memberi penjelasan tentang sinopsis pelbagai penemuan daripada sumber literatur yang telah dikaji tentang kajian, menetapkan agenda kajian bagi meningkatkan pemahaman tentang objektif kajian. Pemahaman dicapai dengan menyediakan struktur yang mengawal aliran pemikiran yang memberi tumpuan dan hala tuju kepada sesuatu penyiasatan (Ralis & Rossman, 2012).




konseptual membantu pengkaji menghuraikan komponen teori kajian, menentukan hubungan antara teori dan pemboleh ubah, serta mengurangkan data teori kepada pernyataan atau model untuk memudahkan pemahaman, menyediakan asas teori untuk reka bentuk kajian, analisis dan tafsiran, serta boleh membantu pengkaji untuk membentuk visual dan menerangkan perkara yang ingin diselidik. Tuntasnya, kerangka konsep dalam kajian ini dapat dilihat atau dapat digambarkan dalam rajah berikut:



Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.7 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk membina model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia. Kajian ini akan memberi manfaat kepada pemain bola sepak bawah 17 tahun, jurulatih, persatuan bola sepak Indonesia dan Malaysia serta kepada perkembangan ilmu pengetahuan mengenai bola sepak. Faedah kajian ini ialah:



1.7.1 Kepentingan Teoritis

Secara teoritis kajian ini diharapkan dapat menambah ilmu pengetahuan, panduan dan menyumbangkan pandangan kepada pembangunan kajian psikologi sukan berkaitan pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun, isu dan cabaran yang akan dilalui oleh pemain bola sepak bawah 17 tahun dan ciri-ciri psikologi yang diperlukan oleh pemain bola sepak bawah 17 tahun di Indonesia dan Malaysia.

1.7.2 Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun

Pemain bola sepak bawah 17 tahun menjadi sasaran utama yang akan merasai hasil siasatan ini, maklumat yang diperolehi daripada hasil kajian ini akan memberi impak kepada pembangunan pemain bawah 17 tahun untuk mencapai prestasi terbaik. Penambahbaikan aspek psikologi diharap dapat menjadi program yang sempurna agar dapat melahirkan pemain bola sepak yang boleh berkembang di peringkat profesional.

1.7.3 Jurulatih

Jurulatih harus sedar bahawa kaedah dan program latihan dalam setiap peringkat umur adalah berbeza, maka hasil kajian ini akan memberi maklumat tentang apakah ciri-ciri psikologi yang diperlukan dalam setiap fasa pembangunan pemain supaya jurulatih dapat mewujudkan program latihan yang sesuai. Bagi jurulatih pula, hasil kajian ini akan memberikan maklumat tentang ciri-ciri psikologi yang perlu dimiliki oleh pemain





bola sepak remaja, sehingga dapat memberikan gabungan program latihan untuk pemain bola sepak bawah 17 tahun di Indonesia.

1.7.4 Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia (PSSI) & *Football Association Malaysia* (FAM)

Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia (PSSI) dan *Football Association Malaysia* (FAM) boleh menggunakan hasil kajian ini sebagai rujukan untuk membuat dasar pembangunan pemain bola sepak remaja Indonesia dan Malaysia. Pemain remaja adalah harapan dan kekuatan negara untuk memperoleh kecemerlangan pasukan bola sepak kebangsaan Indonesia dan Malaysia. Pembangunan pemain bola sepak remaja dengan aspek fizikal, teknikal dan psikologi yang baik akan melahirkan pasukan bola sepak negara yang berjaya pada masa hadapan. Hasil kajian ini akan mengisi kelompangan kurikulum yang telah diwujudkan oleh PSSI pada tahun 2017, sehingga nanti PSSI diharapkan dapat menggunakan data yang diperolehi dari hasil kajian ini untuk membuat dasar atau program pengembangan pemain bola sepak remaja yang bersepadu, holistik dan berkesan. Begitu juga dengan FAM, boleh menggunakan informasi yang dihasilkan pada kajian ini untuk menciptakan dasar pembangunan pemain bola sepak yang bersepadu, holistik dan berkesan melalui model kajian ini.

1.8 Keterbatasan Kajian

Kajian ini akan dijalankan terhadap jurulatih bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia. Skop dalam kajian ini ialah:



- i. Kajian ini menghadkan kepada jurulatih bola sepak remaja Indonesia dan Malaysia yang memiliki pengalaman melatih minimal 5 tahun.
- ii. Kajian ini menghadkan pembangunan hanya kepada pemain bola sepak bawah 17 tahun yang ertinya pemain yang memulai pertama kali melakukan latihan bola sepak pada umur 6 tahun hingga berumur 17 tahun di Indonesia dan Malaysia.
- iii. Komitmen dan kerjasama peserta melalui temu bual, pemerhatian, borang kebenaran, dan dokumen bertulis.

1.9 Definisi Operasional

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, kajian ini bertujuan untuk membina sebuah model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia. Berdasarkan beberapa sumber, kajian lepas, dan bacaan utama dalam bidang ini, berikut adalah definisi operasional yang akan digunakan dalam kajian ini, yaitu:

1.9.1 Laluan Pembangunan

Laluan pembangunan pemain bola sepak di bawah umur 17 tahun ditakrifkan sebagai fasa yang dilalui oleh pemain bola sepak sehingga mereka berumur 17 tahun merujuk kepada pembangunan permainan jangka panjang yang disampaikan oleh Balyi et al. (2013) dan kurikulum PSSI (2017), di mana terdapat empat fasa pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun ialah fasa keterujaan bola sepak (6 hingga 9 tahun), fasa



mengembangkan kemahiran bola sepak (9 hingga 12 tahun), fasa mengembangkan permainan bola sepak (12 hingga 16 tahun) dan fase penampilan (17 tahun ke atas). Dalam kajian ini, tumpuan akan diberikan kepada laluan pembangunan psikologi pemain bola sepak dalam tiga fasa ini.

1.9.2 Ciri-Ciri Psikologi

Ciri psikologi ditakrifkan sebagai pembawaan seperti sifat yang boleh dikawal atau dipertingkatkan melalui pembangunan dan latihan yang sistematik dan boleh bertahan dalam situasi yang berbeza seperti keyakinan diri (Dohme, Backhouse, Piggott, & Morgan, 2017). Ciri-ciri psikologi yang dibangunkan dengan baik membantu atlet kekal komited dan memudahkan tingkah laku yang menyokong pembelajaran dan pembangunan yang berkesan (MacNamara, Button & Collins, 2010; Gould, Diffenbach, & Moffett, 2002).

1.9.3 Bola Sepak

Bola sepak ialah sukan paling popular di dunia dan sukan terbesar di kebanyakan negara dan sukan ini telah dicerminkan sebagai cara untuk pembangunan sosial dan peribadi selanjutnya (Forde & Cities, 2016). Bola sepak ialah sukan yang kompleks, kerana melibatkan aspek fizikal, teknikal, taktikal, dan psikologi (Alves et al., 2017) dan dianggap oleh ramai orang sebagai sukan paling popular di dunia dan perlawanan bola sepak dunia adalah perkara yang paling ditunggu-tunggu (Hardinata et al., 2023)





1.9.4 Pemain Bola Sepak Bawah 17 Tahun

Pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia ialah pemain yang dikhaskan atau bersedia untuk memikul baton demi pasukan bola sepak kebangsaan Indonesia dan Malaysia. Pemain bola sepak bawah 17 tahun yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pemain bola sepak yang bermain bola dimulai dari dia mengenal bola sepak pada umur 6 tahun hingga berumur 17 tahun.

1.10 Kesimpulan

Bab pendahuluan menerangkan secara ringkas konteks di mana kajian ini dan sebab-sebab kajian ini dijalankan. Adalah mungkin untuk memberikan gambaran ringkas tentang potensi untuk meningkatkan kualiti pemain bola sepak muda di Indonesia dan Malaysia. Bab ini juga merupakan sebahagian daripada pengenalan awal latar belakang, isu kajian, persoalan kajian, dan juga kepentingan kajian tentang pembinaan model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia. Beberapa masalah penemuan telah dibincangkan, dirumus dan dianalisis untuk diguna pakai sebagai rangka kerja yang rasional untuk penyiasatan lanjut dalam bab-bab berikutnya.

Kajian ini diharapkan dapat menambah baik latihan bola sepak yang kompleks untuk menjadi panduan kepada semua jurulatih bola sepak bawah 17 tahun di Indonesia dan Malaysia. Melihat kepada situasi semasa, jurulatih bola sepak perlu membangunkan pengetahuan latihan yang boleh menghadkan proses latihan. Matlamat di sini adalah untuk lebih memahami perkara yang perlu dicapai untuk





mendidik pemain bola sepak bawah 17 tahun untuk mencapai tahap profesional dan kekal pada tahap itu. Kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat tentang laluan pembangunan pemain bola sepak Indonesia dan Malaysia serta ciri-ciri psikologi yang diperlukan untuk mencapai pencapaian mampan dalam pemain bola sepak bawah 17 tahun serta dapat membangunkan model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia.



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Bab ini akan mengeksplorasi teori dan membentangkan kajian lepas yang berkaitan mengenai topik utama pembangunan model pembangunan pemain bola sepak bawah 17 tahun Indonesia dan Malaysia. Tinjauan literatur menyediakan mekanisme yang berharga untuk mendapatkan maklumat dalam badan kerja saintifik yang semakin meningkat dan merupakan aktiviti penting bagi mana-mana pengkaji (Koons, Schenke-Layland, & Mikos, 2019) digunakan untuk merancang dan memulakan kajian (Afiyanti, 2014). Tujuan tinjauan literatur adalah untuk menentukan keadaan pengetahuan dalam topik kajian, kelompangan dalam pengetahuan sedia ada terdedah dan hala tuju untuk langkah relevan seterusnya dalam mengembangkan pengetahuan (Fawcett, 2013). Oleh itu, pengkaji akan mengkaji literatur terkini yang relevan untuk